

WARISAN PERAHU TRADISIONAL KOMUNITI
PESISIR PANTAI DI KUNAK
SABAH

NOORSAHALZA BINTI TANGKAPAN
HA 2006-4268

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Latihan Ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat bagi ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian dalam bidang Sejarah.

PROGRAM SEJARAH
SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008/2009

4000017102

183365



PUMS99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: Darisan Perahu Tradisional komuniti perangin pantai di kawat Sabah.

IJAZAH: SERTAMA MUDA SAINS SOSIAL

SAYA NOORSAHATZA BINTI TAOGKAPAN SESI PENGAJIAN: 2009
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap:

DR. ISMAIL MU

Nama Penyelia

Tarikh: 2/10/09
DR. ISMAIL MU
Tarikh: 2/10/09

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PERPUSTAKAAN UMS



1400017102


UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

 PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN PENYELIA

Dengan ini saya mengesahkan bahawa latihan ilmiah bertajuk "Warisan Perahu Tradisional Kepada Komuniti Pesisir Pantai Di Kunak" telah ditulis oleh Noorsahalza Tangkapan dan telah diselia oleh saya sebagai sebahagian daripada syarat-syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian, Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan Oleh:

.....
(Prof. Madya Dr. Ismail Ali)
Penyelia Latihan Ilmiah,
Sekolah Sains Sosial,
Universiti Malaysia Sabah.

2 JUN 2009



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN PELAJAR

Saya mengaku bahawa latihan ilmiah ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Noorsahalza Tangkapan

HA 2006-4268

2 JUN 2009



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t atas limpah dan kurnianya kepada saya untuk menyiapkan penulisan latihan ilmiah ini. Dalam ruangan ini saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada bapa saya Tangkapan Hj Suah dan ibu saya Sapina Hj Chulling yang banyak memberikan sokongan serta membantu sepenuhnya kos penyelidikan latihan ilmiah ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan khas buat Prof. Madya Dr Ismail Ali selaku penyelia saya yang banyak memberi galakan, tunjuk ajar, bimbingan dan komen dalam menyiapkan latihan ilmiah ini. Tidak lupa juga kepada semua pensyarah sejarah Sekolah Sains Sosial Prof. Dr. Sabihah Osman, En. Baszley Bee Bin Basrah Bee, En. Bilcher Bala, En. Mohd Saffie Abdul Rahim, En. Mohamad Shaukhi Md. Radzi dan En. Mosli Tarsat yang turut sama memberi perhatian dalam penyelidikan ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga dirakamkan kepada rakan seperjuangan saya Nurul Wahidah Mohd Baharin, Mastura Ahmad, dan S. Bavani a/p Sevalingam dan lain-lain kerana banyak memberikan pandangan dan pertolongan yang cukup berguna kepada saya dalam penulisan latihan ilmiah ini. Tidak lupa juga diucapkan terima kasih kepada para responden, pihak Arkib Negeri Sabah, Muzium Cawangan Sabah, Pejabat Daerah Kunak, dan Kor-Nelayan Kunak kerana telah memberikan kerjasama dalam memberikan maklumat yang berguna. Akhir sekali saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini.

Noorsahalza Tangkapan
Sekolah Sains Sosial
Universiti Malaysia Sabah



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

WARISAN PERAHU TRADISIONAL KEPADA KOMUNITI PESISIR PANTAI DI KUNAK

Negeri Sabah memang terkenal dengan sumber laut dan kegiatan maritimnya kerana dikelilingi oleh Laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi. Kegiatan maritim ini telah mendorong kepada penghijrahan penduduk lain disekitar Sabah seperti Filipina dan Indonesia untuk berhijrah ke kawasan pesisir pantai termasuklah sebuah daerah iaitu Kunak. Kunak merupakan sebuah daerah di Pantai Timur Sabah dan kini diduduki oleh majoriti kaum Bajau, Bugis dan Suluk akibat proses penghijrahan ini. Ketiga-tiga kaum ini sememangnya dikenali sebagai pelaut yang handal, akibat kegiatan ekonomi mereka yang bercorak perikanan dan hidup dipesisir pantai telah menyebabkan komuniti ini terkenal sebagai pembuat dan pengguna perahu tradisional. Namun pembuatan perahu tradisional semakin berkurangan dikalangan komuniti pesisir pantai Kunak. Oleh itu penulisan ini bertujuan untuk mengkaji latar belakang Kunak sebagai daerah yang mewarisi penggunaan perahu, jenis-jenis perahu tradisional yang wujud di Kunak, proses menghasilkan perahu tradisional dan cabaran perahu tradisional pada hari ini. Penulisan ini dilakukan atas kesedaran bahawa penggunaan perahu tradisional semakin berkurangan dikalangan generasi masa kini. Adalah menjadi harapan agar kajian ini akan menjadi perintis kepada para pengkaji lain untuk mendalami kajian berhubung perahu tradisional.

ABSTRACT***Traditional Heritage of Navel to the Coastal Shore in Kunak***

Sabah is known for its sea source and maritime activity because Sabah itself surrounding by South China Sea, Sulu Sea and Sulawesi Sea. This maritime activity drive other immigrant from nearby Sabah like Filipina and Indonesia to emigrate to the coastal shore including one of the District that's call Kunak, Kunak is a District in the East Coast Sabah that now being occupied by majority the Bajau, Bugis and Suluk consequent the emigrate process. This three racial group is known as the chivalrous seaman, because their economic activity that focus on fishery and live in the coastal shore that makes this community famous as a traditional navel maker and user. So long as, the manufacturing of the traditional navel is now deducting among this community. They for, this writing is aim to finding the background of Kunak as the District that still legacy as the navel user, type of the traditional navel that still exist in Kunak, process in manufacture navel and the challenge for the traditional navel now. This writing is done because awareness that the use of the traditional navel is become more less by the new generation. It is to be hope that this research can be the pioneer to the researchers to profound research that link to the traditional navel.

SINGKATAN

| | |
|------------|---|
| BNBCC | <i>British North Borneo Chartered Company</i> |
| Hlm | Halaman |
| JPS | Jabatan Perikanan Sabah |
| Kg | Kampung |
| KM | Kilometer |
| KO-NELAYAN | Koperasi Nelayan |
| LKIM | Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia |
| No. | Nombor |
| Org | Orang |
| RM | Ringgit Malaysia |
| SAFMA | <i>Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd.</i> |
| S.M.K | Sekolah Menengah Kebangsaan |
| Sg. | Sungai |
| TSH | Tan Soon Huat |
| % | Peratus |

ISI KANDUNGAN

| PERKARA | HALAMAN |
|------------------------------------|-----------|
| TAJUK | i |
| PENGESAHAN PENYELIA | ii |
| PENGAKUAN | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| <i>ABSTRACT</i> | vi |
| SENARAI SINGKATAN | vii |
| ISI KANDUNGAN | viii |
| SENARAI FOTO | xi |
| SENARAI PETA | xii |
| SENARAI JADUAL | xiii |
| | |
| BAB 1: PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 Pengenalan | 1-6 |
| 1.2 Permasalahan Kajian | 7 |
| 1.3 Tujuan Kajian | 7-8 |
| 1.4 Lokasi Kajian | 8 |
| 1.5 Skop dan Batasan Kajian | 8 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 9 |
| 1.7 Metodologi Kajian | 9-10 |
| 1.8 Sorotan Literatur | 10-13 |
| 1.9 Pembahagian Bab | 14-15 |
| | |
| BAB 2: LATAR BELAKANG KUNAK | 18 |
| 2.1 Pendahuluan | 18-24 |
| 2.2 Sejarah Kunak | 24-27 |
| 2.3 Masyarakat Kunak | 27 |
| 2.3.1 Kaum Bajau | 29 |
| 2.3.2 Kaum Suluk | 31 |

| | | |
|---------------|--|-----------|
| 2.3.3 | Kaum Bugis | 33 |
| 2.3.4 | Lain-lain Etnik | 34 |
| 2.4 | Ekonomi Kunak | 35-37 |
| 2.5 | Kesimpulan | 38 |
| BAB 3: | PEMBUDAYAAN PERAHU TRADISI DI KUNAK | 41 |
| 3.1 | Pendahuluan | 41-42 |
| 3.2 | Konsep dan Budaya Perahu (<i>World View</i>) | 43-46 |
| 3.3 | Pemilikan Perahu | 46-48 |
| 3.4 | Fungsi Perahu Tradisi | 49 |
| 3.4.1 | Aktiviti Pelayaran | 49 |
| 3.4.2 | Aktiviti Perikanan | 50 |
| 3.4.3 | Pengangkutan | 51 |
| 3.4.4 | Rumah atau Tempat Tinggal | 52 |
| 3.4.5 | Melawat Keluarga dan Mengangkut Barang | 53 |
| 3.4.6 | Penyeludupan Barang Haram | 53 |
| 3.5 | Kesimpulan | 54 |
| BAB 4: | REKABENTUK DAN PEMBUATAN PERAHU TRADISI | 58 |
| 4.1 | Pendahuluan | 58-59 |
| 4.2 | Jenis-Jenis Perahu Tradisi | 60 |
| 4.2.1 | Boggo' Kecil | 60-61 |
| 4.2.2 | Boggo'-Boggo' | 61-62 |
| 4.2.3 | Lepa | 62-64 |
| 4.2.4 | Jallo' | 65-66 |
| 4.2.5 | Lansa | 67 |
| 4.3 | Kesenian Perahu | 68-71 |
| 4.4 | Sokongan Perahu | 72-75 |
| 4.5 | Bahan dan Alatan Pembuatan Perahu Tradisional | 75-79 |
| 4.6 | Pembuatan Perahu Tradisional | 80 |
| 4.6.1 | Menjemur Kayu | 81 |
| 4.6.2 | Memasang Tulang Perahu (<i>Taddas</i>) | 81 |

| | | |
|-----------------------|---|----------------|
| 4.6.3 | Menyusun Kayu Bertingkat-tingkat (<i>Penghapi</i>) | 81 |
| 4.6.4 | Bahagian Hadapan Perahu (<i>Tudja Munda</i>) dan Belakang Perahu (<i>Tudja Buli</i>) | 81 |
| 4.6.5 | Memasang Kayu Tepi (<i>Gipis dan Jungal</i>) | 82 |
| 4.6.6 | Memasang Bumbung (<i>Sapau</i>) | 82 |
| 4.7 | Kesimpulan | 84 |
| BAB 5: PENUTUP | | 88-96 |
| BIBLIOGRAFI | | 97-99 |
| LAMPIRAN | | 100-108 |

SENARAI FOTO

| Foto | | Halaman |
|------|--|---------|
| 2.1 | Pelabuhan Nelayan di Kg Pengkalan Kunak | 26 |
| 4.1 | Model Perahu Boggo' Kecil | 61 |
| 4.2 | Contoh Perahu Lepa | 63 |
| 4.3 | Struktur Perahu Lepa | 64 |
| 4.4 | Contoh bahagian hadapan Perahu Jallo' | 66 |
| 4.5 | Contoh Perahu Lansa | 67 |
| 4.6 | Motif ukiran pada perahu | 69-70 |
| 4.7 | Antara motif ukiran lain pada perahu | 70 |
| 4.8 | Contoh Layar | 73 |
| 4.9 | Contoh dayung | 74 |
| 4.10 | Contoh gerudi tangan | 76 |
| 4.11 | Contoh ketam kayu | 77 |
| 4.12 | Contoh Pahat | 78 |
| 4.13 | Contoh Paku | 79 |
| 4.14 | Contoh Gergaji Tangan | 79 |
| 4.15 | Bahagian Dalam Perahu Tradisi Kaum Bajau | 83 |

SENARAI PETA

| Peta | | Halaman |
|------|--|---------|
| 1.1 | Peta Sabah | 6 |
| 2.1 | Peta menunjukkan Kunak sebagai salah satu daerah dalam Bahagian Tawau | 19 |
| 2.2 | Peta menunjukkan Gua Madai iaitu kawasan pemungutan sarang burung di Kunak | 20 |
| 2.3 | Kedudukan Daerah Kunak dalam peta Sabah. | 22 |
| 2.4 | Kedudukan Teluk Darvel | 25 |
| 3.1 | Kedudukan Pulau Timbun Mata yang berhampiran dengan Kunak dan Semporna | 51 |

SENARAI JADUAL

| Jadual | | Halaman |
|--------|---|---------|
| 2.1 | Anggaran penduduk mengikut daerah (Kunak) dan jantina di Sabah, Banci Tahun 2000. | 29 |
| 2.2 | Bilangan Kilang di Kunak. | 37 |
| 3.1 | Sebilangan Senarai Pemilik Perahu Daerah Kunak 2008 | 47-48 |



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sabah (rujuk peta 1.1) dalam konteks sejarah lebih dikenali sebagai Borneo Utara (*North Borneo*) dan juga telah mendapat nama lain iaitu *Land Below The Wind* merupakan sebuah negeri ditepi pantai dan kaya dengan sumber lautnya.¹ Perairan Sabah dikelilingi Laut China Selatan di bahagian pantai barat, Laut Sulu di bahagian utara dan pantai timur, serta Laut Sulawesi di bahagian Tenggara. Sabah yang mempunyai keluasan kawasan perairan kira-kira 200,000 batu nautika daripada 76,082 kilometer persegi jumlah keluasan negeri Sabah. Perairan Sabah yang kaya dengan sumber marin akibat bentuk topografi pantai negeri Sabah yang berteluk dan terlindung daripada tiupan angin kencang dan sesuai dijadikan mana-mana pelabuhan untuk perikanan. Antara lain ciri-ciri fizikal lain ialah pantai dan lautnya yang mempunyai ratusan timbunan batu karang, berpasir, dan berlumpur juga begitu sesuai untuk pembiakan ikan yang mempunyai nilai komersil bagi pasaran dalam negeri dan luar negeri. Hal ini menyebabkan perairan Sabah amat terkenal sebagai sebuah negeri perikanan kerana mempunyai banyak teluk antaranya adalah Teluk Labuk, Teluk Lahad Datu, Teluk Sibuko, Teluk Sekong, Teluk Kimanis, Teluk Gaya, dan Teluk Marudu.²

Komuniti atau masyarakat pesisir pantai pula merupakan suatu kelompok manusia yang sangat unik berdasarkan aspek-aspek kehidupannya seperti kebudayaan dan sebagainya khususnya dalam aspek kehidupan mereka yang hidup di kawasan pesisir pantai. Merujuk kepada satu unit sosial seperti suku

kaum, sebuah perkampungan, sebuah negeri maupun sebuah bangsa. Komuniti bermaksud sistem organisasi dalam kumpulan manusia dimana iaanya menggambarkan tentang mereka dan boleh di analisis sebagai unit terasing, oleh itu komuniti terangkum dalamnya individu dan kelompok manusia yang berinteraksi antara satu sama lain, berkongsi kebudayaan yang sama di dalam satu kawasan tertentu dan berasa bersatu di dalam kumpulan dan melihat diri mereka berlainan daripada orang atau kumpulan manusia yang lain. Oleh itu dalam konteks penyelidikan ini masyarakat ataupun komuniti pesisir pantai di Kunak telah menjadi tumpuan khusus disebabkan budaya mereka dalam menggunakan perahu dan pembudayaan perahu oleh komuniti tersebut yang semestinya menggunakan perahu sebagai pengangkutan utama mereka. Antara suku kaum yang masih menggunakan perahu hingga kini di Kunak adalah kaum Bajau, Suluk dan Bugis.

Pada akhir abad ke18 hingga abad ke19 iaitu semasa zaman Kesultanan Sulu lagi kegiatan perdagangan telah berkembang di Sabah, disebabkan perkara ini telah mendorong penghijrahan suku kaum seperti Bajau dan Suluk di Sabah. Kedatangan mereka di Sabah adalah untuk membuka tempat-tempat baru yang dapat membekalkan barang keperluan penting dalam kegiatan perdagangan di Sulu seperti trepang, mutiara dan gamat. Didapati semakin kaum Bajau dan Suluk yang menduduki kawasan pantai barat dan timur sabah termasuklah kawasan Teluk Darvel iaitu teluk yang berhampiran dengan Kunak.³ Aktiviti penghijrahan dan kegiatan perdagangan semasa Kesultanan Sulu ini telah menunjukkan kepentingan perahu kepada komuniti pesisir pantai apabila perahu digunakan sebagai pengangkutan utama untuk bergerak.

Namun semasa pentadbiran *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) pula, keadaan amat berbeza dengan polisi pentadbiran semasa Kesultanan Sulu yang menunjukkan bahawa pihak pemerintah lebih berkuasa. Dibawah BNBCC pula telah menunjukkan kepentingan hamba sebagai sumber tenaga kerja dalam perikanan telah digantikan dengan buruh upah. Antara lain semasa BNBCC lagi adalah para pelabur dibenarkan membawa buruh masing-

masing seperti dari China, India, Indonesia dan Jepun ke negeri Sabah berikutan masalah kekurangan buruh.⁴ Semasa BNBCC pemodal Jepun telah membawa masuk bot-bot perikanan yang dilengkapi dengan teknologi moden bagi menambah bilangan pengangkutan air seperti perahu yang amat diperlukan pada masa tersebut oleh nelayan tempatan.

Semasa pentadbiran Jepun pula negeri Sabah telah dibahagikan kepada dua bahagian pentadbiran iaitu di pantai barat dikenali sebagai *Seikai Shiu* manakala di pantai timur pula *Tokai Shiu*. Sepanjang pentadbiran Jepun, Sabah ataupun Borneo ketika itu berada dalam keadaan kemiskinan dan kemunduran akibat dasar bumi hangus yang dilakukan oleh pihak British sebelum meninggalkan Borneo. Namun kegiatan maritim khususnya dalam aktiviti perikanan menjadi salah satu aspek penting apabila pendaratan ikan segar dibangunkan untuk memenuhi keperluan politik, ekonomi dan sosial sepanjang meletusnya perang dunia kedua.⁵ Perkara ini juga sekaligus menyebabkan pengangkutan air seperti perahu amat diperlukan dikalangan nelayan pesisir pantai.

Selepas Perang Dunia Kedua Sabah telah diperintah semula dibawah Kerajaan British, pelbagai langkah telah dilakukan oleh Kerajaan British untuk membangunkan semula Sabah selepas perang. Dalam aspek maritim, "Undang-undang Perahu dan Perikanan Penggal 16" telah dilaksanakan, kerajaan British telah menggariskan beberapa peraturan yang berkaitan dengan soal-soal bagi urusan pelesenan perahu, bot dan perkakas menangkap ikan di Sabah. Perahu telah ditakrifkan sebagai semua jenis perahu yang mempunyai layar atau dayung dan kapal-kapal kecil lain yang tidak didaftarkan dibawah Undang-undang Perkapalan. Selain itu kapal atau perahu lain selain milik nelayan tempatan tidak dibenarkan untuk menangkap ikan di perairan Sabah kecuali telah mendapat kebenaran daripada pihak *Harbour Master*.⁶ Keaan ini adalah bagi melindungi hak nelayan tempatan.

Di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah pula, kegiatan maritim dan perikanan telah dibangunkan setanding dengan sektor lain di Sabah. Taraf sosioekonomi para nelayan dan komuniti pesisir pantai telah dipertingkatkan, kerajaan telah menubuhkan badan-badan rasmi kerajaan termasuklah Koperasi Kemajuan Ikan dan Nelayan Sabah (KO-NELAYAN) dan *Sabah Fish Marketing* (SAFMA) untuk membangunkan industri perikanan yang meliputi semua daerah termasuklah Kunak.⁷

Perahu merupakan sejenis pengangkutan air yang biasanya lebih kecil daripada kapal, sesetengah perahu boleh diangkut di atas kapal atau darat menggunakan lori panjang, antara lain pengertian perahu adalah sejenis lancang air yang boleh dibawa oleh kapal. Perahu juga menggunakan sistem sokongan seperti dayung, kipas, galah, layar dan pam air selain menggunakan struktur pengapungan. Perahu merupakan suatu keperluan bagi komuniti pesisir pantai di Kunak khususnya di kalangan para nelayan, kerana budaya⁸ berperahu telah sinonim bagi setiap komuniti pesisir pantai.

Kunak pula merupakan sebuah daerah yang kecil di Pantai Timur Sabah, namun kegiatan ekonomi yang di jalankan oleh penduduk daerah ini mencukupi untuk keperluan mereka malahan untuk pemasaran di luar Kunak. Salah satu aktiviti ekonomi yang penting di Kunak adalah kegiatan perikanan, kegiatan perikanan ini turut mengalami perkembangan dari segi peralatan dan teknologi sejajar dengan permintaan terhadap ikan dan juga perkembangan zaman.

Aktiviti menangkap ikan boleh dikatakan telah menjadi satu aktiviti tradisi bagi penduduk daerah Kunak yang kebanyakannya menetap di pesisiran pantai. Mereka ini menjalankan kegiatan menangkap ikan untuk dijual di pasar bagi memenuhi kehidupan harian. Kawasan perairan negeri Sabah iaitu zon pesisir pantai dan laut dalam mempunyai kira-kira 252,000 tan metrik sumber marin yang mempunyai nilai komersil di pasaran domestik dan antarabangsa. Pelbagai spesies telah dikenal pasti sebagai sumber utama iaitu spesies ikan pelagik (*small pelagic*), udang, udang kara, ketam, udang batu (*crustaceans*),


ikan demersal (*demersal fish*), ikan batu (*coral fish*), ikan tuna dan lain-lain hidupan laut. Kunak telah menjadi salah satu kawasan utama penangkapan ikan di zon pantai Timur selain Beluran, Sandakan, Lahad Datu, Semporna dan Tawau.⁹ Perkembangan dalam kegiatan ekonomi khususnya aktiviti perikanan adalah kerana pertumbuhan penduduk yang berlaku di daerah Kunak.

Walaupun permintaan terhadap ikan semakin meningkat di dalam dan luar Kunak seiring dengan perkembangan teknologi, namun tidak dinafikan masih ramai di kalangan nelayan pesisir pantai Kunak yang masih menggunakan perahu tradisional untuk menangkap ikan selain untuk tujuan lain. Penggunaan perahu adalah diwarisi turun temurun dari zaman nenek moyang mereka lagi sebagai pengangkutan utama untuk turun ke laut.

Sehingga kini pembuatan perahu tradisional masih diteruskan sebagai warisan budaya komuniti nelayan pesisir pantai di Kunak, walaupun perahu dilihat sebagai teknologi yang mundur dan kebelakang, namun bagi komuniti pesisir pantai di Kunak, perahu masih dianggap sebagai keperluan penting untuk mereka meneruskan kehidupan mereka sebagai nelayan.

Tradisi pembuatan perahu dikalangan masyarakat setempat masih lagi di amalkan khususnya kepada komuniti pesisir pantai di Kunak dan tradisi ini telah dikesan sejak zaman nenek moyang mereka lagi. Walaupun pembuatan perahu hanya untuk kegunaan peribadi dan keluarga (kecil-kecilan) serta ada segelintir dikalangan komuniti pesisir pantai yang menggunakan perahu sebagai hobi sahaja, namun ternyata pembuatan perahu masih lagi diteruskan hingga kini sebagai warisan tradisi sebagai nelayan.

Peta 1.1 : Peta Sabah



Sumber : Buku Tahunan Jabatan Perangkaan Malaysia, Tahun 2001.

1.2 Permasalahan Kajian

Untuk menghasilkan kajian ini, beberapa permasalahan telah diketengahkan berdasarkan signifikan, dalam konteks penyelidikan ini penyelidik telah terpanggil untuk melakukan kajian berkenaan perahu tradisional kerana budaya dan warisan perahu tradisional mula lenyap akibat perubahan dalam pembuatan perahu. Penggunaan perahu dikalangan masyarakat Kunak juga mula berkurangan, penyelidik ingin menghasilkan sebuah penyelidikan yang boleh memberi kesedaran kepada komuniti pesisir pantai di Kunak khasnya agar penggunaan perahu tidak hilang ditelan zaman. Selain itu penyelidik turut mengutarakan sejauh manakah perahu tradisional di warisi oleh komuniti pesisir pantai di Kunak kini, adakah pembuatan perahu ini masih lagi diteruskan di Kunak dan apakah kepentingan perahu tersebut bagi komuniti pesisir pantai di Kunak.

Selain itu, kajian dari turut mengkaji latar belakang daerah Kunak, kajian ini juga menyatakan jenis-jenis perahu yang biasa digunakan di Kunak, reka bentuk perahu, pembuatan perahu dan juga pembudayaan perahu oleh komuniti pesisir pantai di Kunak.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji perahu-perahu tradisi yang terdapat di Kunak dengan memberi fokus kepada kegunaan, bentuk dan kesenian dalam perahu tersebut. Kajian memberi tumpuan kepada perahu yang digunakan oleh komuniti pesisir pantai di Kunak, penulisan kajian ini tidak memfokuskan kepada warisan perahu sahaja, tetapi juga mengkaji latar belakang daerah Kunak dan pembudayaan perahu oleh masyarakat Kunak khususnya komuniti nelayan. Kajian ini dijalankan kerana kurangnya perhatian terhadap penulisan yang terus memfokuskan kepada teknologi perikanan khususnya perahu.

Bagi mencapai tujuan tersebut, beberapa objektif telah digariskan. Pertama adalah untuk mengkaji secara ringkas sejarah dan latar belakang daerah Kunak dan mengkhusus pula kepada kegiatan ekonomi lain yang terdapat di Kunak. Kedua adalah membincangkan tentang proses pembuatan sebuah perahu. Ketiga pula adalah mengkaji bagaimanakah penduduk Kunak (khusus kepada suku kaum tertentu) membudayakan perahu dalam membantu meneruskan warisan corak hidup mereka sebagai pelaut.

1.4 Lokasi Kajian

Lokasi kajian terletak di daerah Kunak, merupakan sebuah pekan di bahagian Timur Sabah. Penyelidik memilih Kunak sebagai lokasi kajian kerana Kunak merupakan salah satu daerah di Sabah yang mempunyai kaum majoriti seperti Bajau, Suluk dan Bugis dan merupakan suku kaum yang masih menggunakan perahu sehingga kini. Namun dalam menyiapkan kajian berkenaan perahu ini lokasi yang lebih spesifik telah dikenal pasti, tiga kawasan utama tersebut adalah Pengkalan Kunak, Kg Kunak Tiga dan Kg Pangi dan pulau-pulau yang berhampiran.

1.5 Skop dan Batasan Kajian

Skop bagi kajian ini dilakukan di Daerah Kunak dan hanya tertumpu kepada perahu-perahu tradisi yang terdapat di Kunak, kajian ini juga hanya tertumpu kepada penyelidikan terhadap perahu yang digunakan oleh penduduk pesisir pantai di Kunak. Fokus kajian ini akan membincangkan bagaimanakah sebuah perahu dibina dan kegunaanya kepada masyarakat setempat. Namun batasan kajian hanya tertumpu kepada perahu tradisional yang berasaskan kayu dan bukan kepada perahu moden yang menggunakan bahan lain seperti plastik.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk memulihkan warisan perahu-perahu di Sabah dan Kunak khasnya dengan menjelaskan bagaimanakah sebuah perahu tradisional dihasilkan, apakah kepentingan perahu tradisional ini kepada penduduk Kunak khususnya para nelayan dan bagaimanakah penduduk Kunak mengekalkan penggunaan perahu tradisional sebagai warisan budaya mereka.

Penulisan seperti kajian ini adalah sebagai asas untuk memahami dan menguraikan aspek penting yang menggerakkan ekonomi Kunak dalam industri perikanan iaitu peralatan (perahu) dan teknologinya, ianya penting untuk memahami perkara asas yang mencorakkan perjalanan industri perikanan itu sendiri.

Kajian ini dijalankan kerana kurangnya perhatian terhadap penulisan yang terus memfokuskan tentang pengangkutan seperti perahu dan teknologi yang menyokong industri ini. Selain itu latihan ilmiah seperti ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan untuk masyarakat masa kini dan akan datang. Malahan kajian ini di harap akan memandu, menambah dan memperkembangkan pengetahuan terhadap para pengkaji akan datang yang ingin meluaskan lagi kajian seperti ini.

1.7 Metodologi Kajian

Pelbagai kaedah kajian yang akan digunakan dalam menyiapkan penulisan mengenai warisan perahu kepada komuniti pesisir pantai di Kunak ini. Namun dalam kajian ini lebih menggunakan pendekatan sejarah kontemporari dan sejarah sosial seperti kaedah temubual, pemerhatian serta kajian pustaka amat diperlukan.

BIBLIOGRAFI

ARTIKEL DALAM JURNAL

Ramli Dollah dan Wan Shawaluddin Wan Hassan. 2006. Jenis-Jenis Dan Masa Depan Pengangkutan Air Di Kalangan Masyarakat Bajau Dan Suluk Di Sabah. *Malaysia Dari Segi Sejarah*. 34:121-138.

Ismail Ali. 2004. Penggunaan Bahan Letupan (Bom Ikan) Dalam Industri Perikanan Di Sabah. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*.

BUKU

Sather Clifford. 1997. *The Bajau Laut : Adaption, History, and Fate in a Maritime Fishing Society of South- Eastern Sabah*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

D.S Ranjit Singh. 2003. *The Making Of Sabah 1865-1941 : The Dynamics of Indigenous Society*. Kuala Lumpur : University of Malaya Press.

Roth Henry Ling. *The Natives Of Sarawak and British North Borneo*. Singapura: University of Malaya Press.

Ishak Shari. 1990. *Ekonomi Nelayan : Pengumpulan Modal, Perubahan Teknologi dan Pembezaan Ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail Ahmad. 1999. *Pengangkutan Di Air Dalam Budaya Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail Ali. 2007. Pembangunan Industri Hiliran Berasaskan Perikanan Di Sabah. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.

- Ismail Ibrahim. 2007. *Warisan Motif dan Corak Etnik di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Tregonning K.G. 1965. *A History Of Modern Sabah 1881-1963*. University of Malaya Press, Singapore.
- Southon Micheal. 1995. *The Navel Of The Perahu: Meaning And Values In The Maritime Trading Economy Of A Butonese Village*. Canberra: Department Of Anthropology.
- Noor Zukhi Harun, Muhammad Razin Abdullah, Yacob Ismail (terj). 1995. Manual Admiralti Ilmu Kepelautan. Jilid 1. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Steward. Robert M. 1969. *Boatbuilding Manual*. USA: International Marine Publishing Company.
- Sahbodin Salbum. 1995. *Sejarah Ringkas Masyarakat Sulu*, Jabatan Muzium Sabah.
- Siti Aidah Hj. Lokin. 2007. *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*, Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Sopher. D.E. 1965. *The Sea Nomads : A Study Of The Maritime Boat People Of Southeast Asia*, Singapore: National Museum Singapore.
- Suraya Sintang. 2007. *Sejarah dan Budaya Bugis Di Tawau Sabah*, Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Stacy Natasha. 2007. *Boats To Burn : Bajo Fishing Activity in The Australian Fishing Zone*. Canberra Austria : ANK Press.
- Yap Beng Liang. 1993. *Orang Bajau Pulau Omadal: Aspek-Aspek Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rumah Tradisional Etnik Sabah. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. Jabatan Muzium Sabah. Malaysia.

TESIS / LATIHAN ILMIAH

Jainuddin Malik. 1991. Sejarah Orang-Orang Bajau Sabah Abad ke-19. Jabatan Sejarah. Universiti Malaya.

Kamarul Hisham bin Hj Alias. 2005. Pengaruh Kandungan Lembapan Terhadap Kekuatan Kayu. Fakulti Kejuruteraan Awam. Universiti Teknologi Malaysia.

LAMAN WEB

Geografi Kunak, <http://www.Pejabat daerah kunak> (atas talian) pada 02 Februari 2009.

Infrastruktur Kunak, <http://www.Pejabatdaerahkunak> (atas talian) pada 04 Februari 2009.

Perahu Tradisional Bugis, <http://www.digilib.petra.ac.id.com> atas talian pada 09 Mei 2009.

INFORMAN YANG DITEMU BUAL

Sebadi binti Gurih. 2008. Sejarah Kunak. Temu bual pada 23 Disember.

Azmi @ Tangkapan Bin Hj Suah. 2009. Kegunaan Perahu. Temu bual pada 2 Februari.

Responden Malbina Bin Utoh Nine. 2008. Pembuatan Perahu. Temu bual 17 Disember.